

SINGAPURA DAN KAPAL KARAM TANG

Kapal Karam Tang diperoleh dengan sumbangan dana besar daripada Estet Khoo Teck Puat demi menghormati mendiang Encik Khoo Teck Puat.

Kapal Karam Tang telah diperolehi pemerintah Singapura pada tahun 2005 kerana ia penting dalam mendedahkan sejarah awal perdagangan di rantau ini. Pemulihan dan pemuliharaan koleksi ini dilaksanakan oleh Tilman Walterfang. Estet Khoo Teck Puat telah menyokong perolehan Kapal Karam Tang dengan tujuan untuk warga Singapura berasa bangga dengan sejarah pelabuhan Singapura dan untuk mengongsi pameran ini kepada orang ramai.

KEMEWAHAN DARI KAPAL KARAM ABAD KE-9 AKAR PURBA PERDAGANGAN SINGAPURA

Pada tahun 1998, sebuah kapal karam ditemui tidak jauh dari Pulau Belitung di pinggir Laut Jawa. Ia mengandungi kargo luar biasa iaitu lebih daripada 60,000 seramik-seramik yang dihasilkan di China semasa Dinasti Tang (618–907), dan juga objek-objek mewah yang dibuat daripada emas dan perak. Dengan tujuan berlayar ke Iran dan Iraq, kapal itu menjadi bukti awal adanya hubungan perdagangan yang kukuh antara China, Asia Tenggara, dan Timur Tengah.

Ditemui 600 km dari arah tenggara Singapura, Kapal Karam Tang menunjukkan bahawa rantau ini telah menjadi pusat perdagangan global buat lebih daripada seribu tahun. Singapura terletak di antara dua lautan, di sepanjang laluan laut yang sibuk dari Timur Tengah ke India, Asia Tenggara, dan China. Rangkaian ini menyaingi Laluan Sutera yang lebih terkenal di Asia Tengah. Kaca dibawa dari Timur Tengah, kapas dari India, rempah-rempah dan kayu dari Asia Tenggara, dan seramik dan sutera dari China. Hubungan ekonomi ini membawa kepada pertukaran idea seni, dan hubungan antara rakyat dari pelbagai budaya yang berbeza.

Kapal Karam Tang mendedahkan bahawa rantau Singapura terletak di tengah-tengah rangkaian perdagangan global pada abad ke-9. Kejayaan Singapura sebagai pusat pertukaran perkapalan global ternyata mempunyai akar purba. Objek-objek indah yang luar biasa dan jarang ditemui membuktikan kebijaksanaan artis-artis dan pedagang-pedagang, dan menunjukkan bahawa objek eksotik telah lama dihargai oleh pengguna-pengguna di dunia.

Pentarikan kapal karam

Pentarikan kapal karam ini bergantung kepada tiga bahagian bukti yang utama. Dua set syiling Cina yang ditemui di atas kapal ini telah dibuat sebelum 845. Pentarikan radiokarbon bahan-bahan organik yang terdapat di atas kapal ini, termasuk kayu, bunga lawang, dan damar, memberikan tarikh antara 670 dan 890. Paling penting, tertulis satu hari khusus pada musim panas tahun 826 di sebuah mangkuk seramik yang dibuat di Changsha. Ini menjadikan tarikh itu yang terawal pelayaran kapal ini.

Jenis-jenis seramik lain ditarik kemudian sedikit, berdasarkan perbandingan dengan penggalian-penggalian lain. Kapal ini mungkin telah belayar di suatu masa dalam tahun 830-an atau 840-an.

Pemuliharaan

Selepas pemulihan, objek-objek dari bangkai kapal yang telah dianalisa dan diperbaiki oleh konservator-konservator. Selaput-selaput telah dikeluarkan, dan objek-objek itu dinyahmasinkan sepanjang jangka masa dua tahun. Beberapa seramik yang pecah telah diperbaiki dengan gam yang boleh ditanggalkan semula, ataupun bahagian yang telah hilang pula digantikan. Rawatan kimia dan pengurangan elektrolitik digunakan pada objek-objek logam untuk mendedahkan permukaan-permukaan asalnya.

NELAYAN-NELAYAN MEMBUAT PENEMUAN LUAR BIASA

Dalam tahun 1998, nelayan-nelayan yang menyelam mencari gamat berhampiran Pulau Belitung di Laut Jawa menemui satu timbunan yang semakin meningkat dari dasar laut. Dalam batu karang yang berselaput terdapat banyak mangkuk-mangkuk seramik yang utuh. Penemuan itu segera mendapat perhatian pihak-pihak berkuasa pemerintah Indonesia.

Oleh kerana bangkai kapal terletak di dalam air cetek yang kurang 3 km dari darat, kawasan ini terdedah kepada kecurian dan kemusnahan yang tidak disengajakan dari memancing. Oleh itu, pemerintah Indonesia memberi kuasa kepada syarikat salvaj untuk mendapatkan kargo, dan sepanjang lebih dua musim, sebanyak 60,000 objek-objek telah diperolehi. Kebanyakan seramik-seramik terpelihara dengan sempurna, terbungkus dan dilindungi oleh kelodak lumpur.

ARKEOLOGI

Persoalannya ialah jika penyelamatan komersial, seperti yang dikerahkan ke kawasan ini, adalah cara yang paling sesuai untuk mendapatkan semula kapal-kapal karam. Penggalan arkeologi bawah air secara akademik adalah mahal dan memakan masa, tetapi menghasilkan dokumentasi yang lanjut. Kerana perlunya menjamin kawasan ini daripada penjarah-penjarah, proses yang lebih cepat telah digunakan. Kargo sebahagian besarnya terpelihara dan maklumat yang berharga telah direkodkan.

SEBUAH KAPAL DARI TIMUR TENGAH

Barangan organik seperti kayu dan tekstil tidak tahan lama dan hanya segelintir yang terselamat. Sutera Cina merupakan komoditi yang sangat berharga, dan mungkin dibawa kapal itu, tetapi tidak dikesan. Bahagian besar lunas dan badan kapal yang diperbuat daripada kayu telah direkodkan oleh ahli-ahli arkeologi, membolehkan penentuan cara pembinaan kapal ini. Papan kayu diikat menjadi satu, sebuah kaedah ciri pembinaan Teluk, yang ketika itu sebahagian daripada Khalifah Abbasiyah (750–1258).

UNTA DAN KAPAL

LALUAN-LALUAN PERDAGANGAN DALAM ABAD KE-9 ASIA

Laluan Sutera, sebuah laluan darat terkenal, menyambungkan China dengan Asia Tengah dan Timur Tengah. Penemuan Kapal Karam Tang mengesahkan bahawa laluan laut juga memainkan peranan yang penting dalam abad ke-9. Kapal ini adalah kapal Timur Tengah yang mungkin membawa kaca, rempah-ratus, dan hasil galian ke China, dan kembali dengan sutera dan seramik. India dan Asia Tenggara menyumbang barangan dan anak-anak kapal untuk rangkaian ini. Berbanding dengan perjalanan darat yang panjang menggunakan unta atau kuda, kapal boleh mengangkut kargo besar.

Abad ke-9 Asia didominasi oleh dua kuasa besar, China di bawah Dinasti Tang, dan Khalifah Abbasiyah di Timur Tengah dengan Baghdad (Iraq yang moden) sebagai ibu kota. Srivijaya, yang ditubuhkan di Sumatera, Jawa, dan Semenanjung Tanah Melayu, terletak di sambungan kritikal antara Barat dan Timur.

Sama seperti Singapura hari ini, pelabuhan-pelabuhan di Asia Tenggara yang berdagang barang-barangan, membekalkan dan membaiki kapal, dan memberi tenaga kerja. Anak-anak kapal dari dunia Melayu terkenal dengan kemahiran mereka, dan objek-objek yang ditemui dalam bangkai kapal menunjukkan bahawa beberapa anak-anak kapal adalah dari Asia Tenggara.

MENGAPA KAPAL ITU BERADA DI LAUT JAWA?

Laluan laut yang paling langsung antara China dan Timur Tengah adalah melalui Singapura dan Selat Melaka. Walau bagaimanapun, kapal itu telah karam di Laut Jawa, seolah-olahnya luar dari perjalanan - terlalu jauh ke selatan dan timur. Apa yang ia lakukan di sana?

Mungkin kapal itu menuju ke Jawa untuk berdagang rempah ratus berharga seperti buah pala dan bunga cengkih. Mangkuk-mangkuk Changsha jenis yang dibawa kargo telah dijumpai di Jawa, dan menunjukkan bahawa seramik Cina didagangkan di rantau ini pada abad ke-9.

Destinasi terakhir kapal tersebut nampaknya adalah Empayar Abbasiyah kerana banyak objek-objek yang dibawa mempunyai reka bentuk tertentu dari rantau itu.

SEBUAH KREW ANTARABANGSA

Pelabuhan-pelabuhan di seluruh Asia pada abad ke-9 adalah hab-hab kosmopolitan. Bandar-bandar pelabuhan di selatan China mempunyai masyarakat Timur Tengah dan India yang besar, terdiri daripada orang-orang Islam, Yahudi, Parsi, dan Kristian. Objek-objek yang diselamatkan daripada bangkai kapal menunjukkan anak-anak kapal datang dari berbilang kaum.

Pedagang dari Timur Tengah mungkin telah menyewa kapal ini, tetapi terdapat sekurang-kurangnya beberapa orang Cina di atas kapal. Dengan hampir semua ruang yang diberikan untuk membawa kargo, anak-anak kapal seharusnya tinggal di atas dek. Perjalanan yang berbahaya dan terdedah mungkin bermakna sebahagian daripada anak-anak kapal mati di sepanjang jalan, jadi orang-orang baru akan diambil bekerja di pelabuhan-pelabuhan di sepanjang perjalanan.

Berjudi sambil berlayar

Dalam jangka masa yang panjang dihabiskan menunggu tengkujuh untuk berlalu atau angin untuk berubah, anak-anak kapal mungkin main pelbagai permainan dan berjudi. Dadu daripada tulang kecil (yang paling awal yang pernah ditemui dari sebuah kapal karam) mungkin telah digunakan untuk tujuan ini. Empat kepingan berbentuk acorn mungkin dari permainan papan seperti pachisi (permainan papan pangkah dan bulatan yang berasal dari India).

Kehidupan di atas kapal

Beberapa benda yang diselamatkan daripada bangkai kapal memberi sekilas kehidupan di atas kapal. Pemberat jala menunjukkan bahawa anak-anak kapal memancing untuk mendapatkan makanan. Batu lesung dan penumbuk, dan pin penggiling digunakan untuk menyediakan makanan, manakala tong besar menyimpan air tawar. Jarum dan batang kayu mungkin telah digunakan untuk memperbaiki layar dan jaring, manakala pinset besar mungkin digunakan sebagai alat pembedahan.

Orang-orang Cina di atas kapal

Sebuah batu dakwat Cina yang terdapat pada bangkai kapal sudah hampir pasti milik seorang pedagang Cina yang celik huruf. Satu pengisar seramik yang digunakan untuk menyediakan teh mungkin juga dimiliki oleh orang Cina yang di atas kapal.

Orang-orang Timur Tengah di atas kapal

Walaupun kapal itu dibina di Timur Tengah, hanya segelintir objek itu dari rantau itu yang ditemui dalam bangkai kapal: dua *amphorae* berlicau warna firus, sebuah balang, dan sebuah botol kaca.

Amphorae berlicau warna firus telah dieksport secara meluas, mungkin sebagai bekas untuk sirap kurma. Ia telah ditemui di seluruh Asia, sebagai contoh, di Lembah Bujang (Malaysia) dan di Sri Mahosot (Thailand), serta di makam-makam dan kuil-kuil Buddha di China.

Anak kapal Asia Tenggara

Laluan-laluan perdagangan utama melalui Asia Tenggara. Kapal-kapal yang belayar antara Timur Tengah dan China berhenti buat sewaktu di rantau ini untuk melepaskan musim tengkujuh dan menambah bekalan. Pengemudi dan pelayar tempatan digunakan untuk membantu kapal-kapal perdagangan. Bukti arkeologi menunjukkan terdapat pelabuhan utama di yang pada masa kininya Vietnam, Indonesia, Singapura, Malaysia, dan Thailand. Tetapi, pusat yang paling penting mungkin di Sumatera, di Palembang, iaitu ibu kota Srivijaya, sebuah negara maritim yang menguasai peraliran perdagangan rantau ini.

MEMBUNGKUS 70,000 MANGKUK-MANGKUK KE DALAM KAPAL SEPANJANG 18 METER

Beribu-ribu mangkuk seramik telah disimpan dengan ketat di dalam balang-balang penyimpanan secara bergelung. Kira-kira 130 mangkuk-mangkuk telah dibungkus dalam setiap balang, dibantalkan jerami. Kaedah pembungkusan ini dan kelodak lumpur di dasar laut melindungi kebanyakan seramik daripada kerosakan. Berat 70,000 seramik-seramik dalam kapal ini adalah kira-kira 25 tan.

Kargo-kargo ini perlu digabungkan dengan pemberat untuk mengekalkan kestabilan kapal di laut. Jika kapal itu duduk terlalu tinggi di dalam air, ia boleh terbalik; jika terlalu rendah, ia boleh dibanjiri ombak. Pemberat diselaraskan di setiap pelabuhan persinggahan apabila kargo dimuatkan. Palang plumbum yang terdapat dalam kapal karam it juga digunakan sebagai pemberat.

TANUR-TANUR CHANGSHA

Sebahagian besar kargo kapal telah dibuat di tanur-tanur Changsha, di wilayah Hunan. 57,500 keping seramik telah diselamatkan, bukti kepada pengeluaran besar-besaran dan perdagangan pada abad ke-9.

Seramik Changsha adalah popular mahupun di dalam atau di luar negara China. Kuantiti yang besar telah digali dari Yangzhou, pelabuhan utama di mana barang-barang disimpan sebelum dihantar belayar. Keramik Changsha telah dijumpai di Jawa, Semenanjung Tanah Melayu, Vietnam, Kemboja, dan Thailand. Kemungkinan besar sebahagian daripada kargo itu ditujukan untuk dijual di Asia Tenggara.

Changsha terasing daripada ibu kota Tang di Chang'an (Xi'an hari ini) dan juga dari pusat-pusat perdagangan di pinggir laut. Oleh kerana itu, tembikar Changsha mempunyai gaya hiasan yang tersendiri dan menggunakan glis hijau dan coklat. Tulisan secara bebas menunjukkan tenaga spontan, dan banyak daripada reka bentuk itu adalah abstrak. Changsha khusus membuat seramik-seramik praktikal dan digunakan setiap hari seperti mangkuk, balang, dan kendi, semua dihiasi dengan corak yang berani. Obek-objek tembikar batu ini dibuat di tanur-tanur Changsa sekitar tahun 830-an.

Seramik Changsha dengan licau hijau

Bekas-bekas seramik berglis hijau merupakan produk yang kurang biasa dibuat di tanur-tanur Changsha. Hanya beberapa contoh yang ditemui pada bangkai kapal. Kebanyakan daripada contoh-contoh ini meniru warna dan bentuk seramik yang lebih berprestij dibuat di tanur-tanur Yue.

Pelbagai corak-corak dan reka bentuk

Tanur-tanur Changsha juga menghasilkan bekas-bekas seramik lain dalam pelbagai corak dan reka bentuk yang mencerminkan sifat kreativiti mereka.

Bentuk-bentuk ceria

Walaupun sebahagian besar seramik-seramik yang dibuat di Changsha adalah untuk kegunaan seharian, terdapat beberapa bentuk-bentuk rumit dan aneh. Seramik berbentuk anjing mungkin telah digunakan sebagai penindih kertas. Sebuah penitis air mempunyai pemegang berbentuk naga. Sebuah pembakar kemenyan pula mempunyai bentuk yang sudah seribu tahun lamanya.

Kendi-kendi

Kendi-kendi bermuncung biasanya dibuat di tanur-tanur Changsha. Artis-artis mencipta hiasan-hiasan inovatif dengan melekatkan tanah liat yang telah dibentukkan kepada kendi-kendi itu. Ia sering berbentuk seperti dedaun, taman-taman, pahlawan-pahlawan atau penari-penari.

Banyak kendi-kendi jenis ini telah ditemui di kawasan Jawa yang menunjukkan bahawa kapal ini bertujuan untuk berhenti di rantau itu untuk berdagang.

Pelbagai bentuk dan corak

Antara ribuan mangkuk-mangkuk, hanya beberapa mempunyai reka bentuk dan corak yang tidak tergolong dalam kategori standard. Ia mungkin hasil daripada keinginan individu, atau menjadi contoh reka bentuk baru yang belum dihasilkan dalam kuantiti yang besar.

Tanur-tanur Changsha: Pengeluaran besar-besaran

Tanur-tanur Changsha menghasilkan seramik pada skala industri. Corak-corak biasa termasuk awan-awanan, landskap, burung, bunga, dedaun, dan pilin. Kerana ia telah dilukis oleh artis-artis yang berbeza, corak-coraknya pun berbeza. Tompok-tompok coklat yang merangka corak-corak telah dibuat dengan mencelup pinggir mangkuk ke dalam glis.

Mangkuk-mangkuk tembikar batu ini dan yang di kanan dibuat di tanur-tanur Changsha sekitar tahun 830-an.

Mangkuk-mangkuk dituliskan inskripsi

Proses penghiasan seramik Changsha memberikan ia kepada seni khat. Sekitar 400 mangkuk-mangkuk mempunyai inskripsi. Kebanyakannya diberus dengan dakwat hitam pada pangkal mangkuk, dan kelihatan seperti tulisan kiraan atau label.

Inskripsi-inskripsi lain adalah di bawah glis dan pada permukaan utama, dan dengan itu adalah untuk dilihat orang. Sebuah mangkuk mempunyai ayat puisi. Lain-lainnya mempunyai aksara tunggal yang diulang pada arah-arrah yang berbeza. Beberapa inskripsi ditulis di atas atau bawah corak-corak.

HARTA-HARTA EMAS DAN PERAK

Bersama dengan kargo pukal yang terdiri daripada mangkuk-mangkuk yang agak murah, terdapat beberapa objek yang diperbuat daripada emas dan perak. Sebahagian besar dibuat di China selatan. Dengan kejatuhan pemerintah pusat pada abad ke-9, artis-artis telah meninggalkan ibu kota Chang'an untuk menetap di pelabuhan-pelabuhan yang masih mewah.

Objek-objek emas yang direka halus digemari oleh istana diraja, dan sering menerima barang-barang seperti ini sebagai penghormatan dari pemimpin-pemimpin wilayah. Ruang Penguburan Kuil Famen di luar Xi'an mengandungi hadiah-hadiah mewah diraja yang diperbuat daripada emas dan perak yang sama kualitasnya dengan objek-objek dalam kapal karam ini.

Kapal karam ini juga membawa cawan wain emas berbentuk oktagon - contoh terbesar yang diketahui dari dinasti Tang. Mengapakah kapal kargo yang menuju ke Jawa dan Timur Tengah membawa objek-objek emas berharga seperti ini? Adakah ia hadiah untuk raja-raja asing? Atau adakah kerajaan Tang terhutang budi dan terpaksa menjual emas dan perak kepada pedagang-pedagang asing yang mengingini objek-objek Cina yang halus?

Su, oh Su!

*Nyanyikanlah padaku Dahan Willow - sebuah lagu,
Akanku curahkan arak pada cawan emasmu,
Ke Alam Mabuk kubawa kau bersamaku.*

– Bai Juyi, "Lagu Perasaan Lalu" (sekitar 840)

Kotak-kotak perak

Kotak-kotak ini dihiasi pada semua bahagian, biasanya dengan reka bentuk yang diketuk naik di atas, dan motif berbeza yang diukir di bahagian bawah. Ia mungkin digunakan sebagai bekas-bekas untuk ukupan, kosmetik, atau perubatan.

Pasangan itik dan angsa menggambarkan kebahagiaan perkahwinan dan kotak-kotak dengan reka bentuk ini mungkin dijadikan sebagai hadiah perkahwinan. Kotak berbentuk daun pula dianggap langka.

SEHIJAUNYA JED

CELADON DALAM DINASTI TANG

Seramik-seramik hijau Cina, yang dipanggil *celadon*, sangat dihargai oleh pelanggan asing, dan mereka telah ditemui di banyak tempat di Asia Tenggara dan Timur Tengah. Tanur-tanur di Asia Tenggara kemudian menghasilkan *celadon-celadon* mereka sendiri.

Tembikar berglis hijau dibuat khusus di selatan China. Buatan-buatan yang terbaik (dari tanur Yue di wilayah Zhejiang) dibandingkan dengan jed. Ini bukan sahaja oleh kerana warna mereka, tetapi juga kerana mereka membuat nada berdering apabila diketuk.

Tanur Yue menghasilkan *celadon-celadon* berkualiti tinggi dalam kuantiti terhad. Tanur-tanur lain cuba untuk membuat salinan buatan-buatan hijau ini, tetapi hasilnya lebih kasar. Daripada kira-kira 900 buatan hijau yang didapati di kapal ini, dianggarkan hanya 200 adalah dari tanur Yue.

Mangkuk bujur bercuping

Hanya beberapa mangkuk besar yang ditemui dalam kapal karam, dan ia mungkin telah dibuat bersesuaian dengan tabiat makan komunal orang Timur Tengah.

Saingan buatan hijau dari Meixian dan Teochew (Chaozhou)

Sedang populariti buatan-buatan Yue meningkat, tanur-tanur lain cuba untuk memasuki pasaran seramik berwarna *celadon* yang menguntungkan ini. Khususnya, tanur-tanur di wilayah utara Guangdong, di Meixian dan Teochew, menghasilkan *celadon-celadon* bermutu tinggi.

PENGELUARAN SECARA BESAR-BESARAN, KEUNTUNGAN SECARA BESARAN

Skala kargo yang teramat besar di atas kapal kapal karam Tang menunjukkan:

- hebatnya populariti seramik Cina di tanah asing pada abad ke-9;
- keupayaan untuk menghasilkan ribuan seramik hampir serupa secara massa;
- rangkaian penghantaran dalaman yang mengumpul produk-produk dari seluruh China di satu pelabuhan;
- sistem kewangan yang melaburkan dan mengongsi keuntungan-keuntungan kargo.

Tanur-tanur di pelbagai kawasan di China khusus dalam pelbagai jenis barangan, dan mengubah produk-produk mereka untuk memenuhi permintaan pasaran. Sebagai contoh, semasa Dinasti Tang, kebanyakan tanur berubah daripada membuat arca-arca makam yang dibakar pada suhu rendah kepada pinggan-mangkuk yang tahan lebih lama. Kebanyakan seramik-seramik yang terdapat dalam bangkai kapal mencerminkan citarasa elit, contohnya, perkakas *celadon* daripada tanur Yue dan perkakas putih dari tanur Xing yang dihargai untuk kecantikan dan keanggunan mereka.

Seramik telah dibawa di sepanjang sungai-sungai dan terusan-terusan ke pelbagai pelabuhan. Kargo-kargo di atas kapal ini mungkin dikumpul di pelabuhan utama Yangzhou, atau lebih jauh ke selatan di Guangzhou.

SEBUAH PERCIKAN WARNA

SERAMIK-SERAMIK BERSIMBAH HIJAU BUAT TIMUR TENGAH

Tanur-tanur Cina menghasilkan perkakas-perkakas putih yang telah disimbah dengan glis hijau. Beberapa warna boleh digunakan untuk teknik percikan, tetapi contoh-contoh hijau amat menarik buat kawasan Timur Tengah yang beragama Islam. Buatan yang sama telah ditemui di seluruh Empayar Abbasiyah, sebagai contoh, di Samarra, Siraf, dan Nishapur.

Buatan Cina yang disimbah hijau telah ditiru di Timur Tengah, di mana pembuat tembikar mencipta gaya mereka sendiri, yang sering beserta inskripsi.

Kebanyakan buatan Cina yang disimbah hijau telah dibuat di tanur-tanur Gongxian di wilayah Henan. Ia mungkin telah dibuat sebagai alternatif kepada buatan putih yang mudah kerana produk-produk Gongxian tidak boleh bersaing dengan tanur-tanur lain.

SEPUTIH SALJU

KEGHAIRAHAN UNTUK SERAMIK PUTIH

Buatan putih Cina amat diingini, di dalam dan di luar negara China. Ia telah ditemui di seluruh Asia Tenggara dan Timur Tengah. 300 kepingan sebegitu yang ditemui di Kapal Karam Tang berkualiti tinggi, dan ia mungkin sangat mahal sungguhpun pada abad ke-9.

Buatan putih yang paling diingini telah dibuat di tanur-tanur Xing di utara China. Dibakar pada suhu yang tinggi, ia mempunyai badan yang putih bersih. Penyair Cina Lu Yu membandingkan rupa bentuknya seperti perak dan salji. Dibuat dengan tipis, bekas-bekas ini telah dipotong ke dalam bentuk yang tepat dan sama rata dan diliputi dengan glis putih yang halus.

Tiruan

Buatan-buatan Xing menjadi ilham kepada tiruan-tiruan dari China dan di luar negara. Tanur-tanur Ding di wilayah Hebei mula meniru buatan Xing, dan tidak lama kemudian menghasilkan seramik yang bermutu tinggi. Sebaliknya, tanur-tanur Gongxian menggunakan tanah liat yang kasar, oleh itu lapisan slip (tanah liat cecair) putih perlu digunakan untuk menghasilkan penampilan putih.

Minum wain

Wain beras dan wain buah plum adalah minuman popular pada zaman Tang di China. Ia dihidangkan dengan panas dari botol, dan diminum dari cawan-cawan.

PERMULAAN PERDAGANGAN GLOBAL SERAMIK-SERAMIK BERWARNA BIRU DAN PUTIH

China dan Timur Tengah mengongsi penciptaan seramik biru dan putih. Iran dan Iraq (sebahagian daripada Empayar Abbasiyah pada abad ke-9) telah lama mendambakan seramik-seramik Cina. Sebaliknya, glis biru adalah khusus dari Iran. Warna itu dibuat menggunakan kobalt, yang dilombong di Iran dan tidak terdapat di China pada masa itu. Reka bentuk bulatan berserta bunga-bunga dan dedaun di sudutnya juga berasal dari Iran.

PERTANDINGAN ARTISTIK

Saingan rancak di antara tanur-tanur seramik China pada abad ke-9 bermakna pembuat tembikar terpaksa sentiasa menyesuaikan reka bentuk dan corak-corak mereka supaya diminati pelanggan. Reka bentuk yang berjaya sering ditiru oleh tanur-tanur lain.

Di samping itu, artis-artis Cina mendapat inspirasi daripada reka bentuk Timur Tengah. Seramik-seramik sering meniru bekas-bekas yang asalnya dibuat daripada logam. Reka bentuk kerawang pada pembakar ukupan berasal dari contoh-contoh logam. Kendi besar disimbah hijau yang dipaparkan dalam galeri ini juga berdasarkan prototaip logam.

Citarasa Timur Tengah: Rombus dan bunga

Sebuah rombus dengan bunga-bunga di sudut-sudut adalah corak yang dicipta di Empayar Abbasiyyah. Artis-artis Cina menggunakan corak ini mungkin untuk menampilkan kepada pelanggan Timur Tengah. Corak rombus muncul pada pelbagai objek yang ditemui dalam bangkai kapal, termasuk seramik-seramik dan buatan logam. Corak yang dikongsi ini adalah lambang hubungan antara China dan Timur Tengah.

CERMIN-CERMIN

Dua puluh sembilan cermin gangsa Cina ditemui dalam kapal karam ini. Ia pastinya buatan untuk dijual dan bukan hak milik peribadi anak-anak kapal.

Satu sisi permukaan setiap cermin adalah licin, manakala bahagian yang lagi satu dipenuhi dengan hiasan. Sejenis aloi keperakan telah digunakan, agar bahagian yang lancar menjadi reflektif. Contoh-contoh ini telah menjadi hitam akibat berkurun-kurun di dalam air.

Antik-antik di zaman antik

Tiga daripada cermin-cermin ini sudahpun menjadi antik ketika kapal mula berlayar. Salah satunya dari dinasti Han yang mendahului pelayaran ini buat hampir seribu tahun dahulu. Kemungkinannya pembeli-pembeli asing meminati barang-barang purba.

BALANG-BALANG SIMPANAN

Bangkai kapal ini mengandung banyak balang-balang simpanan yang dibuat di wilayah Guangdong, di selatan China. Balang-balang yang mempunyai pembukaan yang lebih luas telah dibungkus penuh dengan mangkuk seramik. Yang lainnya ditemui penuh dengan bunga lawang dari China. Balang yang mempunyai muncung mungkin mengandung cecair. Beberapa balang mempunyai inskripsi, mungkin sebagai tanda pedagang. Selepas berabad di dalam air, banyak diselaputi dengan karang. Beberapa balang telah berjaya dipulihara selepas kerja keras yang mengambil masa yang panjang dari para pemulihara.

SEBUAH KAPAL TIMUR TENGAH DARI TELUK

Tidak satu pun paku besi atau paku semat yang digunakan untuk membina kapal yang karam di Laut Jawa. Papan-papan kayu telah dijahit bersama-sama dengan tali yang diperbuat daripada sabut kelapa. Bahan-bahan pengisi dimasukkan di sekitar sendi kapal, dan kemudian ditempelkan dengan kapur untuk membuat kapal ini kalis air. Teknik-teknik ini adalah biasa untuk kapal-kapal buatan awal kawasan-kawasan Teluk Persia (atau Teluk Arab) dan India.

Analisa saintifik menunjukkan bahawa kayu itu datang dari Afrika, dan kerja pembaikan telah dibuat dengan bahan-bahan dari India dan Asia Tenggara. Walaupun tidak dapat dipastikan di mana kapal ini dibuat, muatannya menunjukkan bahawa ia menuju ke arah Empayar Abbasiyah, dimana pelabuhan utamanya ialah Basra (di Teluk pada Iraq masa kini).

DARI TELUK KE INDIA, DI SEKELILING SINGAPURA DAN KE CHINA SELATAN

Teknik pembinaan membantu kita mengesan perjalanan kapal ini yang luar biasa. Dibina di Teluk, di bawah Empayar Abbasiyah, kapal ini berhenti di India dan Asia Tenggara sebelum memunggah kargo di sebuah pelabuhan Cina. Ia kemudiannya dimuatkan dengan kargo Cina dan belayar ke Jawa untuk perjalanan ke Timur Tengah. Ia telah karam di Laut Jawa.

PADA MUSIM TENGGUJUH

Kapal ini sepatutnya akan belayar ke arah timur dari Teluk pada musim panas, pada tengkujuh Barat Daya. Ia akan meninggalkan China dalam tempoh yang bermula dari Oktober dan seterusnya, apabila tengkujuh berubah arah dan mula bertiup ke arah barat.

SENI TEH

Populariti teh berkembang secara mendadak semasa dinasti Tang, sebahagiannya kerana ia dikaitkan dengan meditasi Buddha. Seramik-seramik telah disesuaikan untuk meminum teh. Lu Yu, dalam bukunya Teh Klasik, yang ditulis sekitar 770, memberi nilai terbaik untuk mangkuk teh yang dibuat dari tanur-tanur Yue. Warna hijau yang berkilat dianggap merangsangkan warna teh. Sebaliknya, teh kelihatan kemerahan apabila dihidang dalam mangkuk putih.

Pada zaman Tang, daun teh telah dikisar menjadi serbuk dan kemudiannya dikacau ke dalam air panas, dan selepas itu rempah-ratus dan perisa ditambah. Ia diminum dari mangkuk yang cetek, dan bukannya cawan.

Persediaan teh memerlukan kendi air untuk menyimpan air panas, peti bertutup kecil untuk menyimpan teh dan rempah-ratus, dan pinggan-pinggan untuk mengiringi makanan ringan. Pembakar ukupan kadangkala dinyalakan apabila teh diminum, untuk membantu dalam meditasi.

Balang-balang *slop* dan kendi-kendi

Mangkuk-mangkuk teh dihangatkan dengan air panas supaya teh akan kekal hangat buat masa yang lebih lama. Air panas dicurahkan atas mangkuk-mangkuk menggunakan kendi dan dikumpulkan dalam balang-balang *slop*.